# 1 Aktiviti Gotong-royong

Nama:_____ Kelas: _____ Tarikh : _____

| | | |
|---|---|---|
| membersihkan | mengadakan | bermula |
| menjamu selera | menggunting | memotong |

Pada hari Ahad yang lalu, penduduk Taman Jaya telah _____ aktiviti gotong-royong _____ kawasan perumahan mereka.

Aktiviti gotong-royong ini _____ pada pukul 8.30 pagi. Penduduk Taman Jaya bersama-sama membersihkan longkang, _____ rumput, _____ pokok bunga, dan lain-lain.

Pada pukul 12.00 tengah hari, penduduk Taman Jaya selesai bergotong-royong. Mereka kemudiannya _____ bersama-sama. Mereka berasa gembira kerana kawasan perumahan mereka menjadi indah dan ceria.

**Baca petikan di atas. Kemudian, pilih jawapan yang tepat.**

1. Bilakah penduduk Taman Jaya mengadakan aktiviti gotong-royong?
   - A Hari Jumaat
   - B Hari Ahad
   - C Hari cuti

2. Mengapakah penduduk Taman Jaya mengadakan aktiviti gotong-royong?
   - A Untuk mengelakkan penyakit
   - B Untuk membersihkan kawasan sekolah
   - C Untuk membersihkan kawasan perumahan mereka

3. Bilakah aktiviti gotong-royong ini bermula?
   - A Pada awal pagi
   - B Pada pukul 8.30 pagi
   - C Pada pukul 12.00 tengah hari

4. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penduduk Taman Jaya ketika aktiviti gotong-royong?
   - A Membersihkan semak samun
   - B Membersihkan longkang dan memotong rumput
   - C Membersihkan longkang, memotong rumput, menggunting pokok bunga, dan lain-lain

5. Mengapakah penduduk Taman Jaya berasa gembira?
   - A Kawasan perumahan mereka indah dan ceria
   - B Kawasan perumahan mereka cantik
   - C Dapat menjamu selera

Disediakan oleh hl[illegible]@gmail.com
LIVEWORKSHEETS